

03 SEP 2003

IMF-MAHATHIR/I

IMF BERI PENGHARGAAN KEPADA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 2 Sept (Bernama) -- Pengarah urusan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Dr Horst Kohler, hari ini memberi penghargaan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana telah menjana pertumbuhan ekonomi seiring dengan objektif kesaksamaan sosial.

Ia merupakan ramuan yang menjamin keamanan dan kestabilan politik bagi Malaysia dan membolehkannya menduduki tempat di kalangan ekonomi-ekonomi baru muncul yang maju, katanya.

Beliau juga memuji Dr Mahathir kerana mengambil keputusan untuk melaksanakan kawalan modal pada 1998 dan penetapan ringgit berbanding dolar Amerika pada RM3.80 untuk melindungi mata wang itu dan ekonomi, yang pada masa itu dianggap langkah kontroversi.

Juga, sebagai pengiktirafan kepada Dasar Ekonomi Baru (DEB) Malaysia, yang menjamin pengagihan sakasama kekayaan ekonomi di kalangan rakyat berbilang bangsa di negara ini, Dr Kohler berkata, "hasilnya bukan sahaja kadar pertumbuhan yang tinggi, malah juga adunan pertumbuhan dan kesaksamaan sosial di negara ini".

"Jika Malaysia mencapai kemajuan selanjutnya dalam gabungan pertumbuhan dan kesaksamaan ini dan juga ekonomi terbuka, saya tidak ragu-ragu lagi Malaysia boleh menjadi contoh sebuah negara yang berupaya mengekalkan identiti negara, mencapai kestabilan politik melalui keterbukaan, perdagangan dan hubungan ekonomi luar negara," katanya di pertemuan dengan pengarang-pengarang berita Malaysia di sini, hari ini.

Dr Kohler, kelahiran Poland yang berada di sini atas jemputan Dr Mahathir ketika mereka bertemu pada Sidang Kemuncak Kumpulan Lapan (G8) di Evian, Perancis Jun lalu, berkata: "Ekonomi memang penting, tetapi ekonomi adalah sebahagian daripada konsep yang lebih luas dalam mempertingkatkan taraf hidup, dan kesaksamaan perlu wujud."

Sambil menggesa supaya ekonomi negara ini dikekalkan terbuka, beliau berkata dalam kesungguhannya untuk menggalakkan perbankan dan kewangan Islam, Malaysia harus berbuat demikian, "tanpa membina pagar-pagar baru (bagi melindunginya) daripada dunia luar dan budaya lain".

"Tanpa perdagangan luar negara yang kukuh dan keterbukaan terhadap negara-negara lain di dunia, Malaysia tidak akan dapat mempertingkatkan taraf kehidupannya," kata Dr Kohler, yang menemui gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, pagi tadi dan kemudian dengan pegawai-pegawai kerajaan.

Ditanya mengenai pandangan IMF selepas lima tahun Malaysia mengenakan kawalan modal dan penetapan ringgit, beliau berkata: "Menoleh ke belakang, kita terpaksa mengiktiraf prestasi ekonomi yang baik. Oleh itu, keputusan yang dibuat tidak salah.

"Sebagai seorang pemimpin, Dr Mahathir telah bertindak betul dalam melaksanakan tanggungjawabnya untuk melindungi ekonomi. Tetapi ini tidak bererti formula ini (penetapan ringgit) tidak boleh dan tidak harus dikaji semula selama-lamanya.

"Saya memang berpendapat Malaysia, dalam meningkat matang, perlu berfikir bagaimana keanjalan boleh dibina dalam sistem ini, kerana ia tidak akan dapat, malah tiada siapapun akan dapat menentukan sistem dasar yang bebas daripada kejutan," tegas Dr Kohler.

"Kita perlu ada penyerap kejutan. (Tetapi) saya tidak menasihati Malaysia supaya membatalkan penetapan (ringgit), ini seharusnya menjadi suatu keputusan bagi negara ini," katanya.

Dr Kohler, yang mengambil alih teraju IMF pada 1 Mei 2000 dan menyandang jawatan timbalan menteri kewangan Jerman dari 1990 hingga 1993, berkata Malaysia telah mencapai banyak kejayaan dan kepimpinan Dr Mahathir amat penting.

"Untuk itu, Malaysia patut diberikan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau juga berkongsi pandangan terus terang Dr Mahathir mengenai risiko globalisasi. Itulah sebabnya penting bagi IMF yang beribu pejabat di Washington itu menjadikan globalisasi sesuatu yang memberi manfaat kepada semua.

"Memang tidak salah arus globalisasi berterusan kerana ia membawa lebih banyak peluang tetapi ia juga mempunyai risiko dan dengan demikian, kita harus menentukan satu dasar yang membolehkan kita menggunakan peluang dan mengawal risiko dengan lebih baik," katanya.

"Saya menghormati pemimpin anda dan kita perlu bekerjasama untuk melihat bagaimana Malaysia boleh memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha menjadikan globalisasi berfaedah bagi semua."

Dr Kohler juga berkata dalam pertemuan pagi tadi dengan Dr Zeti, beliau menyarankan supaya IMF dan Malaysia menganjurkan persidangan atau perbincangan yang diatur dengan baik untuk "mengkaji dengan lebih mendalam bagaimana kita perlu membezakan IMF, nasihat dasarnya mengenai sektor kewangan dengan mengambil kira peringkat pembangunan negara anggota, yang sebahagiannya merupakan ekonomi baru muncul maju seperti Malaysia dan sebahagiannya negara-negara miskin."

"Memandangkan keadaan ini, adalah penting cara mana kita mempelbagaikan nasihat kita, bagaimana kita menerima kepelbagaian bukan sahaja dari sudut kebudayaan dan sistem politik, malah juga model ekonomi," kata Dr. Kohler.

"Kita perlu berusaha untuk mewujudkan satu wadah yang mengambil kira sistem kewangan antarabangsa yang mudah terjejas agar dapat memperkukuhkan sistem itu dan pada masa yang sama, memberikan kepada negara-negara anggota bantuan yang mereka perlukan sesuai dengan keadaan, budaya dan matlamat masing-masing," tegas Dr. Kohler.

Ketika diminta memberikan penilaiannya tentang ekonomi Malaysia, beliau berkata Malaysia telah mencapai kemajuan yang besar dalam memperkukuhkan sektor kewangan dan korporatnya melalui usaha yang keras dan dalam tempoh yang panjang.

"Tetapi usaha ini harus diteruskan, khususnya, dalam mengenal pasti kelemahan, dan dalam hubungan ini, kita telah menghantar rombongan teknikal yang terdiri daripada pakar-pakar untuk bekerja dengan Bank Negara bagi mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam sektor kewangan," kata Dr. Kohler.

Selain itu, katanya, iklim pelaburan di Malaysia perlu diperkukuhkan lagi manakala pengekalan dasar fiskal yang berhemah perlu diperlihatkan.

"Dengan demikian, langkah negara ini menuju ke arah bajet berimbang dalam jangka sederhana ini adalah betul," katanya.

Dr Kohler berkata, iklim pelaburan dari segi asas perundangan dan usaha memerangi rasuah, serta kebolehtelah perundangan boleh diperbaiki lagi.

"Itu bukan kelemahan asas di sini, bagaimanapun, pelaburan langsung asing (FDI) boleh membantu Malaysia dalam usahanya menjadi setanding dengan negara-negara maju. FDI tidak dapat dielakkan daripada mengalir ke negara-negara di mana iklim pelaburannya lebih menarik daripada yang lain," katanya.

Dr Kohler, yang merupakan presiden Bank Eropah bagi pembinaan semula dan pembangunan, yang menyokong langkah bekas negara-negara komunis ke arah ekonomi pasaran dan demokrasi berkata: "Semua peningkatan melalui pembiayaan luar negara, FDI dan perdagangan tidak cukup baik tanpa asas dalam negara yang kukuh bagi perniagaan".

"Di Malaysia, kini lebih banyak perhatian diberikan kepada usaha

memperkukuhkan industri kecil dan sederhana, usaha mendekati kawasan-kawasan luar bandar...ini langkah betul (dan) anda perlu memberikannya perhatian yang berterusan.

"Kita perlukan pertumbuhan dalam negara, walaupun di negara-negara maju," tegas Dr. Kohler. -- BERNAMA

MR TJK KY JR